

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN(REMAJA IRELAND HILANG)

TARIKH: 14 OGOS 2019

MUKA SURAT: 2



Jumpa mayat dekat anak sungai

Polis yakin jasad yang ditemukan ialah Nora Anne yang hilang sejak 10 hari lalu



FOTO: BERNAMA

Kenderaan Forensik PDRM memasuki kawasan berdekatan resort The Dusun di mana mayat dipercayai Nora Anne Quoirin ditemui pasukan SAR semalam.

NORAFIDAH ASSAN

SEREMBAN

Polis yakin mayat yang ditemui petang semalam berhampiran resort The Dusun, Pantai di sini adalah gadis Ireland, Nora Anne Quoirin, 15, yang hilang pada 4 Ogos lalu.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor bagaimanapun berkata, pengesahan hanya dapat dibuat selepas laporan bedah siasat diperolehi.

"Keluarga mangsa juga telah ke Hospital Tuanku Jaafar (HTJ) Seremban untuk pengecaman mayat.

"Mayat perempuan berkulit cerah itu ditemui oleh sepasukan pendaki sukarelawan yang menyertai operasi mencari dan menyelamat (SAR) pada 1.57 tengah hari," katanya pada sidang media di Balai Polis Pantai di sini petang semalam.

Mazlan berkata, mayat

terbabit ditemui di kawasan lurah berdekatan dengan anak sungai kira-kira 2.5 kilometer dari lokasi penginapan Nora Anne dilaporkan hilang dekat The Dusun di sini.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai keadaan mayat itu, Mazlan menegaskan ia dalam keadaan tidak berpakaian namun enggan mengulas sama ada terdapat sebarang kecederaan pada tubuh mayat itu.

Dalam pada itu, ketika menjawab soalan media mengenai adakah kawasan tersebut merupakan sebahagian daripada kawasan SAR, Mazlan berkata, pi-



Kelihatan seorang anggota polis sedang mengawal lokasi pencarian Nora Anne di Kampung Pantal, Seremban semalam.

haknya telah melakukan pencarian di situ.

Mazlan turut menegas-

kan kes masih disiasat di bawah kes orang hilang dan bukannya di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

"Sebarang perkembangan lanjut akan dimaklumkan oleh Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop," katanya.

Nora Anne Quoirin yang tiba bersama keluarganya di Malaysia pada 3 Ogos lalu untuk percutian selama dua minggu di Resort The Dusun, Pantai di sini.

Gadis tersebut disedari hilang dari bilik penginapannya oleh keluarganya pada jam 8 pagi, 4 Ogos lalu.

LAKARAN LOKASI SAR NORA ANNE QUIORIN

- Tempat penginapan Nora Anne Quoirin sekeluarga sejak 3 Ogos 2019 (Sabtu)
- Ibu bapa Nora Anne membuat laporan kehilangannya selepas mendapati gadis berusia 15 tahun itu tiada di biliknya yang dihuni bersama dua beradik yang lain
- Hari keenam kehilangan Nora Anne, pasukan mencari dan menyelamat (SAR) memperluaskan radius lokasi pencarian ke kawasan berbukit selepas percaya gadis itu bersembunyi di sebalik pokok dan batuan besar
- Pasukan SAR melaporan anjing pengesan jumpa kesan tapak kaki Nora Anne di sekitar kawasan kira-kira 100 meter dari biliknya

Mengenai Nora Anne Quoirin

- Menghidap holoprosencephaly sejak lahir di mana otaknya tidak berkembang dengan baik seperti individu lain
- Pernah menjalani pembedahan untuk membantu beliau bermafas selepas dilahirkan
- Seorang yang ceria, kelakar dan suka memakai t-shirt berwarna-warni
- Boleh berbahasa Perancis dan Inggeris tetapi kemahiran komunikasinya terhad
- Tidak boleh membuat atau menerima panggilan telefon bersendirian
- Seperti individu normal, Nora Anne boleh mandi dan memakai baju sendiri tetapi tidak boleh butang baju dan sukar untuk membasuh rambutnya



Anggota SAR melihat peta lokasi pencarian Nora Anne semalam.

RABU • 14 OGOS 2019 • 13 ZULHIJAH 1440

Rapatkan Saf, Teluskan Niat, Tulus Beribadah

	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
PERLIS	5:54	7:14	1:26	4:41	7:35	8:47
ALOR SETAR	5:54	7:12	1:26	4:41	7:34	8:46
PULAU PINANG	5:56	7:13	1:26	4:41	7:34	8:45
IPOH	5:54	7:10	1:24	4:40	7:30	8:42
KOTA BHARU	5:52	7:07	1:18	4:34	7:27	8:35
KUALA TERENGGANU	5:44	7:03	1:14	4:30	7:22	8:34
KUANTAN	5:48	7:07	1:15	4:33	7:21	8:32
KUALA LUMPUR • PUTRAJAYA	5:53	7:10	1:21	4:38	7:27	8:38
SHAH ALAM	5:53	7:10	1:21	4:38	7:27	8:38
SEREMBAN	5:52	7:11	1:19	4:37	7:24	8:35
PAMPAR MELAKA	5:52	7:10	1:18	4:36	7:23	8:34
JOHOR BAHRU	5:46	7:05	1:12	4:30	7:16	8:27